

# SABAH ANIMAL WELFARE AND PET OWNERSHIP GUIDE



# PANDUAN PEMILIKAN HAIWAN PELIHARAAN DAN KEBAJIKAN HAIWAN SABAH

SEBUAH PROJEK DARIPADA PERTUBUHAN UNDANG-UNDANG SABAH 2019/20



Panduan ini telah dihasilkan bersama Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu melalui usaha sukarela yang dilakukan oleh ahli Pertubuhan Undang-Undang Sabah iaitu:

Alvin Leong Yin Yuan  
Arnold Ives Hoong  
Audrey Thien Sheue Yi  
Daphne Wong Teck Mee  
Nur Shafiqah Binti Ladi  
Yap Sim Yi

Bersama-sama dengan pelatih-pelatih Dalam Kamar berikut:

Jasmine Duncan Sikodol  
Jennifer Hing Chin Hui  
Jordan Christian Kong Tzu Fui  
Lycia Zibiana Goh  
Mahirah Marzuki

Buku Panduan ini telah diterjemahkan oleh:

Mahirah Marzuki  
Nur Shafiqah Binti Ladi  
Suzainie Abdul Hamid

**TUJUAN DAN OBJEKTIF** Panduan ini ialah untuk menggalakkan pemilikan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab, memberi kesedaran mengenai undang-undang kekejaman haiwan dan membantu dalam menangani masalah populasi haiwan terbiar yang semakin meningkat disebabkan oleh pemilikan haiwan peliharaan dan pembiakan haiwan yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab.

Pemilikan haiwan peliharaan bukan sahaja memberi kesan terhadap penghuni rumah anda tetapi juga terhadap komuniti terutamanya jika haiwan peliharaan itu tidak dijaga dengan baik. Kesan-kesannya termasuklah peningkatan populasi haiwan terbiar dan penyebaran penyakit yang boleh memberi kesan bahaya terhadap populasi manusia.

Sebelum membuat keputusan untuk memiliki haiwan peliharaan, anda perlu tanya pada diri sendiri sama ada anda sudah bersedia untuk tanggungjawab tersebut. Jika tidak, terdapat banyak kaedah lain untuk menjaga kebajikan haiwan tanpa memiliki haiwan tersebut sebagai haiwan peliharaan. Misalnya, dengan cara menjadi sukarelawan di pusat perlindungan haiwan, membantu untuk mendidik orang awam tentang kekejaman haiwan, menyertai pasukan penyelamat haiwan, atau membantu mengawal populasi haiwan jalanan melalui kaedah menangkap, memandulkan dan membebaskan semula haiwan terbiar.

---

Penerbitan ini dicetak sebagai panduan untuk memberi maklumat undang-undang secara umum sahaja dan bukanlah sebagai nasihat undang-undang rasmi. Undang-undang dan dasar-dasar bagi kekejaman terhadap haiwan dan pemilikan haiwan peliharaan akan berubah dari semasa ke semasa. Untuk mendapatkan nasihat undang-undang secara rasmi, silalah berjumpa dengan peguam atau pengamal undang-undang yang bertauliah.

Pertubuhan Undang-undang Sabah dan ahli-ahli yang terlibat dalam pengeluaran kandungan yang terdapat dalam penerbitan ini, menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa bentuk kerosakan langsung, tidak langsung, mahupun turutan yang berbangkit melalui penggunaan isi kandungan dari penerbitan ini atau kebergantungan pada isi kandungan oleh mana-mana individu/pihak, sama ada diguna pakai dalam kandungan asal ataupun yang telah diubah suai dalam apa cara sekalipun.

Pertubuhan Undang-undang Sabah tidak memberi apa-apa jaminan atau representasi ke atas kandungan yang terdapat dalam penerbitan panduan ini.

## **Isi Kandungan**

| <b>Topik</b>   | <b>Muka Surat</b> |
|--|-------------------|
| Pemilikan Haiwan Peliharaan                                | 1                 |
| Apa Yang Saya TIDAK BOLEH Miliki Sebagai Haiwan Peliharaan | 2-3               |
| Pengimportan Haiwan Peliharaan                             | 4-7               |
| Persediaan Hidup Dengan Haiwan Peliharaan Anda             | 8-11              |
| Mengembirikan Haiwan Anda                                  | 12-13             |
| Undang-undang Terhadap Kekejaman Haiwan                    | 14-17             |
| Haiwan Jalanan   | 18-21             |

## **PEMILIKAN HAIWAN PELIHARAAN**

### **NAMPAKNYA ANDA INGIN MEMILIKI HAIWAN PELIHARAAN...**

Haiwan peliharaan adalah komitmen jangka panjang dan tanggungjawab yang memerlukan masa yang banyak, penjagaan, kewangan, dan kesabaran. Terdapat banyak pertimbangan yang perlu diberikan sebelum membuat keputusan untuk memiliki haiwan peliharaan.

**Soalan 1. Jika anda mempertimbangkan untuk memiliki haiwan peliharaan, anda patut menjawab YA untuk semua kenyataan di bawah:**

- 1-1 ***Saya mempunyai masa untuk melihat haiwan peliharaan disamping tanggungjawab utama terhadap keluarga saya, pekerjaan saya dan kewajipan yang lain*** (Ini termasuklah memberi makanan untuk haiwan peliharaan, melakukan pemeriksaan kesihatan, membersihkan badan haiwan peliharaan dan bermain dengan haiwan peliharaan tersebut.
- 1-2 ***Saya mempunyai kemampuan kewangan untuk membiayai haiwan peliharaan, disamping kewajipan yang lain.*** (Kemampuan kewangan tersebut termasuklah untuk memberikan tempat perlindungan, makanan, air, pemeriksaan kesihatan, rawatan kesihatan, vaksinasi, dan alat permainan). Anggaran tahunan secara kasar untuk kos bagi seekor anjing yang bersaiz sederhana ialah RM2,000.00 dan ini bergantung kepada selera, tahap kesihatan, umur dan keperluan khas haiwan peliharaan tersebut.
- 1-3 ***Saya bersedia dari segi mental dan faham bahawa memelihara haiwan peliharaan adalah satu tanggungjawab yang besar dan ia perlu dilakukan sepanjang hayat!*** (Hal ini kerana haiwan adalah sesuatu yang bernyawa dan oleh itu saya perlu menjaganya sepanjang hayatnya)

Jika anda menjawab “**TIDAK**” di sekurang-kurangnya satu kenyataan di atas, anda patut mempertimbangkan semula untuk memelihara haiwan peliharaan.

## APA YANG SAYA TIDAK BOLEH MILIKI SEBAGAI HAIWAN PELIHARAAN?

### A. Anjing

Terdapat beberapa baka anjing yang dilarang untuk diimport oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia<sup>1</sup>. Antaranya termasuklah baka American Bulldog, Mastiff, dan American Pitbull Terrier.

Baka Anjing Yang Dihadkan- Terdapat beberapa baka anjing yang dihadkan jumlahnya oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia termasuklah<sup>2</sup>:

- i) Rottweiler
- ii) Doberman
- iii) German Shepherd/ Alsatian termasuklah Belgian Shepherd dan East European Shepherd

### B. “Hidupan Liar” atau Binatang “Eksotik”

a) Adakah haiwan yang saya ingin bela di masa hadapan adalah haiwan yang dilindungi atau terancam?

- i) **“Haiwan yang dilindungi”** bermaksud spesies haiwan yang telah ditentukan di Lampiran I, II atau III Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar; Bahagian 1 Jadual 1, Bahagian 1 Jadual 2 atau Jadual 3 Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997<sup>3</sup>
- ii) Secara spesifiknya, rujuk Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 untuk:
  - 1) Spesies haiwan yang dilindungi sepenuhnya:
    - (a) Jadual 2 Bahagian 1 (muka surat 70-96) (Terpakai untuk Sabah sahaja)
  - 2) Spesies haiwan yang dilindungi- Aktiviti pemburuan yang terhad dan pengumpulan haiwan berlesen
    - (a) Jadual 1 Bahagian 1 (muka surat 97 - 133)

<sup>1</sup><http://www.majlis.gov.my/documents/20182/36527/YOUR+GUIDE+TO+IMPORT+PETS+INTO+MALAYSIA+%28UPDATE+290116%29.pdf/d0feabe0-e2d2-4866-ae58-32bf2b725eeb>

<sup>2</sup><http://www.majlis.gov.my/documents/20182/36527/YOUR+GUIDE+TO+IMPORT+PETS+INTO+MALAYSIA+%28UPDATE+290116%29.pdf/d0feabe0-e2d2-4866-ae58-32bf2b725eeb>

<sup>3</sup>Seksyen 2 Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997

3) Spesis haiwan yang dilindungi-Aktiviti pemburuan berlesen:

Jadual 3

b) **Siapakah penjual haiwan terlindung yang boleh dipercayai?**

*“ Tiada sesiapa yang boleh membeli sebarang haiwan terlindung yang hidup kecuali <sup>4</sup>:*

- i) Daripada orang yang mempunyai sijil pemilikan yang sah untuk haiwan tersebut....;*
- ii) Daripada orang yang memegang permit pengedar haiwan....;*
- iii) Daripada orang yang memegang permit penternakan haiwan....’*
- iv) Penjual yang memegang lesen pemburuan....’*
- v) ....*
- vi) Daripada kerajaan”*

c) **Adakah anda perlu untuk mendapatkan permit untuk memiliki haiwan pemeliharaan?**

- a) Jika anda berniat untuk menyimpan sebarang haiwan yang disenaraikan di bawah Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 di dalam penjagaan anda, anda perlu mendapatkan permit yang dikeluarkan oleh Pengarah Hidupan Liar dan pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.<sup>5</sup>
- b) Sijil pemilikan yang sah untuk haiwan yang dilindungi itu perlu dikeluarkan selepas permohonan yang berjaya dan apabila Pengarah telah berpuas hati bahawa haiwan tersebut telah diperolehi dengan cara yang sah di bawah kuasa permit yang sah.<sup>6</sup>

<sup>4</sup>Seksyen 48(2) Enakmen Hidupan Liar 1997

<sup>5</sup>Seksyen 43(1) Enakmen Hidupan Liar 1997

<sup>6</sup>Seksyen 47(1) Enakmen Hidupan Liar 1997

## **PENGIMPORAN HAIWAN PELIHARAAN**

**Adakah saya boleh mendapatkan haiwan peliharaan daripada luar Sabah?**

Ya

**Bagaimana untuk saya memulakan proses mengimport haiwan?**

A. Seksyen 15 Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)<sup>7</sup> memperuntukkan bahawa lesen<sup>8</sup> diperlukan untuk mengimport<sup>9</sup> haiwan masuk ke Sabah. Oleh yang demikian, anda perlu memohon kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk lesen tersebut jika haiwan yang menjadi pilihan anda untuk dijadikan haiwan peliharaan termasuk di dalam definisi “haiwan<sup>10</sup>” dan “burung<sup>11</sup>” Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015).

a) Anda boleh merujuk Panduan untuk Mengimport Haiwan Peliharaan ke Malaysia oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan *Malaysia* (MAQIS).

b) Untuk memastikan penghantaran haiwan peliharaan yang selamat, pemilik atau orang yang mempunyai kawalan untuk proses penghantaran tersebut perlu mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan:

- i) Fasiliti yang sesuai, bersih dan mencukupi;
- ii) Makanan dan minuman yang mencukupi untuk haiwan yang hendak dihantar .<sup>12</sup>

Haiwan yang diimport melalui jalan laut perlu sepanjang masa semasa berada di dalam kapal laut di mana-mana pelabuhan perlu dikurung di dalam sangkar, kecuali jika telah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang meluluskan pendaratan haiwan tersebut.

<sup>7</sup> Seksyen 86 – Ordinan Haiwan 1962 telah dimansuhkan. [Ordinan ini berbeza dengan **Enakmen Kebajikan Haiwan 2015 (Sabah No. 9 Tahun 2015)** – Enakmen yang memperuntukkan undang-undang untuk mempromosi kebajikan dan pemilikan haiwan yang bertanggungjawab dan untuk mencegah kezaliman terhadap haiwan....”]

<sup>8</sup> Lihat Seksyen 5(1)(a) “No person shall import any animal, bird, unless he holds a licence” & Section 15(1) “Except as specifically provided in any order made under Subsection 14(1), no person shall import any animal, bird.....unless he holds a licence.”

<sup>9</sup> Lihat Seksyen 2 - “import” means to bring or cause to be brought any animal, bird, .....in Sabah by land, sea or air.

<sup>10</sup> Lihat Seksyen 2 - “Animal” includes ...dog, cat and any four-footed beast kept in captivity or under control of any age or sex....

<sup>11</sup> Lihat Seksyen 2 - “bird” includes ...pigeons and any other avian species kept in captivity or under control, of any age or sex and the eggs thereof.

<sup>12</sup> [Seksyen 16 Enakmen Kebajikan Haiwan 2015 \(Sabah No. 9 Tahun 2015\)](#)



**Adakah terdapat sebarang pengecualian untuk keperluan memiliki lesen berdasarkan kepada jenis atau baka haiwan peliharaan saya (contohnya anak kepada Juara Anjing atau Kucing yang telah disahkan)?**

Seksyen 2<sup>13</sup> memperuntukkan bahawa “kucing” bermaksud mana-mana kucing daripada mana-mana baka atau jantina, yang termasuk dalam keluarga kucing; dan “anjing” bermaksud mana-mana anjing daripada mana-mana baka atau jantina, yang termasuk dalam keluarga anjing.

**Untuk memohon lesen, siapakah pihak berkuasa yang perlu saya jumpa?**

Permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Seksyen 5 (1) perlu dibuat ke Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengikut cara yang telah ditetapkan<sup>14</sup>. Setiap permohonan perlu disertakan dengan bayaran yuran yang telah ditetapkan dan semua maklumat seperti mana yang telah diminta oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar<sup>15</sup>. Pengarah tersebut juga boleh meminta pemohon untuk menghantar dokumen tambahan atau maklumat yang diperlukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar<sup>16</sup> dan sekiranya terdapat tempoh masa untuk pemohon menyerahkan dokumen atau maklumat tambahan tersebut, permohonan itu akan dianggap tidak diterima sekiranya dokumen tidak dihantar dalam tempoh yang ditetapkan dan anda perlu membuat permohonan semula.<sup>17</sup>

**Mengapa lesen merupakan suatu keperluan untuk mengimport haiwan peliharaan saya?**

Salah satu objektif Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No.8 Tahun 2015) dihasilkan adalah untuk menyediakan undang-undang bagi mengelakkan penularan wabak penyakit yang berpunca daripada haiwan. Oleh itu, memandangkan pengimportan haiwan peliharaan daripada luar Sabah berada di dalam skop Enakmen ini, maka lesen untuk mengimport haiwan adalah diperlukan.

**Bagaimana jika saya terus pergi dan mendapatkan haiwan peliharaan saya daripada luar Sabah tanpa mendapatkan lesen?**

<sup>13</sup>Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>14</sup> Lihat Seksyen 2 - “*Director*” means the *Director of Veterinary Services and Animal Industry*.

<sup>15</sup>Seksyen (3) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>16</sup>Seksyen 5(4) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>17</sup>Seksyen 5(5) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

Seksyen 15 (2)<sup>18</sup> memperuntukkan bahawa “Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), melakukan kesalahan, dan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjara untuk tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

**Bolehkah Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar menolak permohonan anda untuk mendapatkan lesen mengimport haiwan peliharaan daripada luar Sabah?**

Ya, Pengarah Jabatan Perkhidmatan boleh menolak permohonan tersebut<sup>19</sup> atau meletakkan syarat-syarat terhadap lesen yang diberikan kepada anda.<sup>20</sup>

**Jika Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar memberikan saya lesen untuk mengimport haiwan peliharaan, adakah saya memiliki hak yang mutlak terhadap lesen tersebut sebaik sahaja lesen itu diberikan kepada saya?**

Seksyen 7<sup>21</sup> memperuntukkan bahawa Pengarah boleh meletakkan syarat tambahan atau mengubah syarat di dalam lesen yang telah diberikan , pada bila-bila masa sahaja.

**Jika saya mendapatkan lesen ini, dan kemudian mengubah fikiran saya, adakah saya boleh memberikan lesen ini kepada sesiapa yang mahukannya?**

Tidak. Apabila anda mendapat lesen ini, lesen ini tidak boleh diberi atau dipindahkan pemilikannya kepada orang lain.<sup>22</sup>

**Sebaik sahaja saya mendapat lesen, bolehkah saya terus membawa haiwan peliharaan daripada luar Sabah untuk masuk ke dalam Sabah?**

Tidak semestinya. Semua haiwan yang diimport atau akan diimport perlu diperiksa terlebih dahulu oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar samaada di tempat ketibaan haiwan tersebut atau mana-mana tempat yang dipilih oleh jabatan tersebut<sup>23</sup>. Jika haiwan itu dianggap telah terdedah dengan jangkitan penyakit, haiwan itu akan ditahan , dan terdapat bayaran yang perlu dibayar oleh pemilik haiwan peliharaan itu untuk perkhidmatan veterineri dan tahanan tersebut.<sup>24</sup>

<sup>18</sup>Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>19</sup>Seksyen 6(1) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>20</sup>Seksyen 6(2) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>21</sup>Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>22</sup>Seksyen 11 Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>23</sup>Seksyen 16(1) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>24</sup>Seksyen 16(2) & (3) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

Selain itu, anda perlu memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah mengenai ketibaan haiwan peliharaan anda di Pusat Kawalan Sempadan.<sup>25</sup> Kegagalan untuk memaklumkan tentang perkara tersebut merupakan suatu kesalahan dan anda boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.<sup>26</sup>

Jika anda menyebabkan haiwan peliharaan anda keluar daripada kenderaan anda selepas memasuki sempadan Sabah, anda telah melakukan kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit. <sup>27</sup>

**Jika haiwan peliharaan saya sakit setelah tiba di Sabah, bolehkah saya membawanya pulang untuk merawatnya?**

Malangnya, jawapannya ialah TIDAK. Jika Jabatan Perkhidmatan Veterinar berpendapat bahawa haiwan yang diimport itu telah dijangkiti dengan penyakit atau telah berada berdekatan dengan mana-mana haiwan lain yang mempunyai penyakit yang boleh berjangkit, haiwan peliharaan anda boleh dihalang untuk mendarat di Sabah, atau boleh diarahkan untuk dihapuskan (anda tidak akan mendapat ganti rugi untuk perkara ini).<sup>28</sup>

Jika haiwan peliharaan anda mempunyai kecederaan yang tidak boleh dipulihkan mengikut pendapat Jabatan Perkhidmatan Veterinar, haiwan itu perlu dihapuskan dan segala perbelanjaan untuk membuang dan menanam bangkai haiwan tersebut perlu ditanggung oleh anda (tiada ganti rugi akan dibayar untuk perkara ini).<sup>29</sup>

**Bolehkah saya meminta pertolongan kedai haiwan untuk mengimport haiwan peliharaan saya?**

Anda perlu bertanya kepada pemilik atau staf kedai haiwan itu jika mereka sudi untuk membantu anda.

**Bagaimana jika haiwan yang saya ingin jadikan haiwan peliharaan ialah kuda daripada luar Sabah?**

Sila berhubung dengan Perkhidmatan Veterinar Sabah untuk mendapatkan prosedur permohonan

<sup>25</sup>Seksyen 17 Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>26</sup>Seksyen 17(6)(a) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>27</sup>Seksyen 17(6)(b) Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>28</sup>Seksyen 18 Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

<sup>29</sup>Seksyen 20 Enakmen Haiwan 2015 (Sabah No. 8 Tahun 2015)

## **PERSEDIAAN HIDUP DENGAN HAIWAN PELIHARAAN ANDA**

**Apa lagi yang perlu saya lakukan sebelum membawa haiwan peliharaan saya pulang?**

### **A. BERJUMPA DENGAN DOKTOR HAIWAN**

**a) Tanggungjawab umum pemilik haiwan peliharaan adalah:**

- i) Pemeriksaan kesihatan yang segera diperlukan*
  - 1) Hanya anjing sahaja diwajibkan untuk diberi suntikan vaksin. Vaksinasi adalah wajib diambil di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah apabila sudah mendapat haiwan anda.
  - 2) Rawatan tambahan yang lain termasuklah pemeriksaan kutu, membuat keputusan untuk mengembiri/memandulkan haiwan peliharaan

### **B. Lesen dan Pendaftaran**

- i) Pendaftaran dengan Dewan Bandaraya (Hanya terpakai untuk anjing)*
  - 1)** Hanya haiwan peliharaan anjing yang perlu didaftarkan dengan Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran
  - 2) Pergi ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah atau mana-mana Veterinar berlesen yang terdekat untuk mendapatkan vaksinasi yang diwajibkan
  - 3) Mestilah mendapatkan surat yang meluluskan jenis vaksinasi yang telah digunakan daripada Pegawai Veterinar Kerajaan sebelum bergerak.
  - 4) Jika anda membuat keputusan untuk memandulkan anjing anda, sijil daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah perlulah diperolehi.
  - 5) Berikan surat vaksinasi dan Salinan kad pengenalan kepada Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran.
  - 6) Haruslah meminta borang pendaftaran haiwan peliharaan anjing dan membayar yuran RM 1.00
  - 7) Setiap kediaman hanya perlu mengisi satu borang pendaftaran tidak mengira bilangan anjing yang dipunyai.
  - 8) Isikan borang dan hantar bersama dengan salinan surat vaksinasi serta salinan IC pemilik ke kaunter yang berkenaan.

- 9) Yuran adalah RM 5.00 setiap anjing jantan atau betina yang telah dikembirikan dan RM10 untuk anjing yang tidak dikembirikan
- 10) Apabila semua dokumen yang relevan telah diproses, pemilik akan diberikan lesen yang telah dicetak dan label besi yang menyatakan nombor lesen anjing tersebut.
- 11) Lesen yang dicetak akan mempunyai deskripsi anjing dan anjing perlulah memakai label besi itu pada setiap masa (walaupun anjing tersebut berada di dalam kawasan berpagar. i.e rumah anda!)
- 12) Anjing yang tidak menggunakan label yang sepatutnya akan diambil kira sebagai tidak berdaftar akan dimusnahkan atau akan dijual secara lelong oleh kerajaan
- 13) Pemilik anjing mestilah memohon lesen setiap tahun dan perlu dibuat sebelum 31 Januari pada setiap tahun atau jikalau umur anjing adalah lebih daripada 6 bulan

(Perhatian: Maklumat di atas adalah berdasarkan maklumat yang telah disediakan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Setiap majlis / daerah mempunyai peraturan mereka sendiri berkenaan dengan pelesenan anjing. Sila rujuk dengan majlis daerah kawasan anda untuk prosedur yang tepat)

### **TINGGAL DENGAN HAIWAN**

- a) Pemilik atau pemegang lesen mempunyai tanggungjawab untuk – <sup>31</sup>
  - a. Mengambil langkah yang sepatutnya untuk memastikan yang keperluan haiwan telah dipenuhi termasuklah –
    - i) keperluan untuk tinggal di persekitaran yang selesa;
    - ii) keperluan untuk mendapat makanan yang sesuai dan berzat
    - iii) keperluan untuk menunjukkan corak tingkah laku yang normal;
    - iv) keperluan untuk ditempatkan bersama atau berasingan dengan haiwan lain; dan
    - v) keperluan untuk dilindungi daripada kesakitan, kesengsaraan kecederaan dan penyakit; dan

31 Animal Welfare Enactment 2015 (Sabah No. 9 of 2015) Section 2 14(1)(a) and (b)

- b. .... mengambil kira tentang keperluan seekor haiwan yang disenaraikan di bawah perenggan (a) termasuklah -
- i) Apa-apa tujuan yang sah untuk haiwan itu disimpan; dan
  - ii) Apa-apa aktiviti yang sah dilakukan untuk dan bagi haiwan

**Apa yang perlu saya lakukan jika haiwan peliharaan masih belum bersedia?**

Bergantung kepada masalah anda, seorang pemilik boleh mempertimbangkan beberapa pilihan (Telah disusun tanpa mengikut susunan)

- 1) Berterusan untuk mendapat pertolongan atau nasihat daripada klinik veterinar
- 2) Mencari penyelesaian di atas talian (*'online'*)
- 3) Mencuba untuk bertanya daripada keluarga dan sahabat handai
- 4) Posting di media social e.g.: Animal Lover groups on Facebook
- 5) Meletakkannya untuk diadopsi di Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) seperti tempat perlindungan haiwan (*animal shelters*)
- 6) Mengembalikan haiwan tersebut ke kedai haiwan peliharaan

## **PEMILIKAN HAIWAN PELIHARAAN – RINGKASAN**

- 1. MAKANAN & AIR** – Air yang bersih, makanan haiwan yang berzat
- 2. TEMPAT TINGGAL** – kering dan terlindung daripada panas matahari dan hujan
- 3. HALAMAN LUAR YANG SELAMAT** – Agar haiwan peliharaan anda tidak dapat terlepas tetapi masih boleh berkeliaran dengan bebas
- 4. SPAYING & NEUTERING** – Pembiakan adalah salah tanpa adanya lessen pemandulan/pengembirian
- 5. VAKSINASI** – Untuk haiwan peliharaan yang lebih sihat bagi mengelakkan penyakit berjangkit
- 6. PENDAFTARAN DAN LESEN UNTUK ANJING** – Sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang majlis daerah anda
- 7. SENAMAN** – Semua haiwan peliharaan haruslah bersenam untuk kekal sihat. Terdapat saiz sangkar minimum yang disyorkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.
- 8. KEBERSIHAN** – Bebas daripada sebarang infestasi, cacing, dan kutu
- 9. PENJAGAAN KESIHATAN & PERUBATAN** – Membuat pemeriksaan yang kerap dengan doctor veterinar untuk mengelakkan penyakit
- 10. PERHATIKAN JIKA ADA MASALAH TINGKAH LAKU** – Dalam keadaan yang tidak selesa atau tertekan, haiwan anda akan menunjukkan tingkah laku yang berbeza dari biasanya. Jika sedemikian, anda perlu membawa haiwan peliharaan anda berjumpa doktor veterinari

**(Sumber: SPCAkk)**

## **MENGAPAKAH PROSES PENGEMBIRIAN ADALAH PENTING?**

### **Apakah itu Pengembirian/Pemandulan haiwan?**

Pengembirian adalah proses pembedahan bagi pembuangan organ reproduksi haiwan betina (i.e uterus dan kedua-dua ovari) dengan cara membuat pembedahan di dalam abdomen untuk menghalang haiwan daripada mengandung.<sup>32</sup> Pada haiwan jantan pula, ia adalah proses pembuangan bola zakar haiwan jantan untuk mengelakkannya daripada mengandungkan haiwan betina sejenis.<sup>33</sup> Kebanyakan anjing dan kucing boleh dikembirikan daripada umur 4 bulan namun adalah lebih baik untuk merujuk doktor veterinar anda.

Berdasarkan beberapa statistik, dua ekor anjing dan zuriatnya boleh membiak dengan bebas, akan terdapat 2,048 anjing tambahan dalam tempoh empat tahun. Dalam masa yang sama, dua ekor kucing akan membawa kepada pertambahan sebanyak 20,736 jumlah kucing.<sup>34</sup>

## **MANFAAT PENGEMBIRIAN DAN PENEUTERAN**

### **1. Kawalan Populasi Haiwan Peliharaan**

- Beribu haiwan liar yang hidup sekarang adalah hasil daripada pembiakan haiwan peliharaan yang tidak terkawal dan peninggalan haiwan yang tidak diingini. Akibatnya, haiwan-haiwan ini akan menderita kerana terdedah kepada penyakit, kekejaman manusia, dikenakan euthanasia, diracun atau dibunuh melalui pelbagai cara apabila populasi haiwan-haiwan ini menjadi tidak terurus dan dianggap sebagai gangguan.
- Jika kamu tidak berhasrat untuk menjaga zuriat haiwan kamu yang tidak dikembirikan, adalah disarankan untuk mengembirikan/memandulkan haiwan anda.

<sup>32</sup> Arliss Paddock, 'Spaying and Neutering Your Puppy or Adult Dogs: Questions and Answers', <https://www.akc.org/expert-advice/health/spaying-and-neutering-your-dog-faqs/>

<sup>33</sup> Paws, 'Why Spay and Neuter', <https://www.paws.org/get-involved/take-action/explore-the-issues/spay-and-neuter/>

<sup>34</sup> SPCA KK, 'Frequently Asked Questions', <https://www.spcakk.org/contents/html/faq.html>



## **2. Manfaat Kesehatan**

Untuk kucing dan anjing:

- Mengurangkan risiko untuk mendapat Transmissible Venereal Tumour & kanser (**Source: SPCAkk**)

## **3. Manfaat Kepada Kelakuan**

- Mengurangkan stress dan sikap yang agresif pada haiwan jantan.
- Anjing betina tidak lagi akan mengalami kitaran estrus. Ini akan mengurangkan dan mengelakkan daya tarikan dan perhatian yang tidak diingini oleh anjing jantan.<sup>35</sup>
- Mengurangkan penandaan kawasan melalui penyemburan kencing.

## **4. Melambatkan Penumbuhan Populasi Haiwan Jalanan**

- Pengembirian atau peneuteraan adalah satu langkah perikemanusiaan yang berkesan untuk mengurangkan jumlah haiwan terbiar yang tinggal di jalanan. Tambahan pula ia adalah baik untuk kesihatan haiwan-haiwan ini.
- Dengan pemandulan, anjing di sekitar dapat kembali ke kawasan asal mereka sendiri untuk membolehkan populasi berkurangan secara semulajadi.

## **5. Jimat**

Dengan mengembiri dan meneuter, pemilik haiwan peliharaan boleh menjimatkan kos untuk menjaga anak haiwan dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian untuk haiwan peliharaan anda memerlukan rawatan veterineri atau rawatan untuk kecederaan yang dialami apabila mereka merayau atau bergaduh dengan haiwan lain.

## **UNDANG-UNDANG TERHADAP KEKEJAMAN HAIWAN DI SABAH**

### **1. Apakah undang-undang dan hukuman yang dikenakan terhadap kekejaman haiwan di Sabah?**

Di negeri Sabah, ada undang-undang tertentu yang mengawal kekejaman terhadap haiwan di Bahagian V di dalam Enakmen Kebajikan Haiwan 2015<sup>36</sup>.

#### **(I) Apakah maksud kekejaman haiwan?**

Seksyen 18 Enakmen Kebajikan Haiwan menakrifkan perkara – perkara yang boleh membawa maksud kekejaman haiwan dan ini termasuklah:

- Menyeksa haiwan seperti memukul atau menyebabkan kesakitan terhadap haiwan
- Menakutkan haiwan
- Menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya
- Pengabaian (tidak memberi haiwan peliharaan anda makanan dan air yang mencukupi, menyebabkan haiwan peliharaan anda cedera atau sakit)
- Amputasi
- Mengurung (menyimpan haiwan peliharaan di dalam kandang kecil yang tidak sesuai dengan saiznya, merantai haiwan peliharaan dengan tali besi yang pendek atau berat)
- Meninggalkan/Membuang haiwan peliharaan atau zuriatnya
- Membunuh

**Jika anda didapati bersalah atas kesalahan kekejaman haiwan, apakah hukuman di bawah Seksyen 18 Akta Enakmen Kebajikan Haiwan?**

Saman tidak melebihi RM **100,000.00** atau penjara selama tidak lebih dari **3 (tiga) tahun** atau **kedua-duanya**.

36 see <http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/StateLaws/AnimalWelfareEnactment2015>.

**(II) Adakah undang-undang memberi permit untuk menembak haiwan?**

Tertakluk kepada pengecualian di bawah Seksyen 19(2), menembak haiwan dengan menggunakan senjata api adalah satu kesalahan melainkan jika anda telah mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Veterinar untuk berbuat demikian semasa kecemasan atau sebagai pengawalan wabak penyakit.

**Apakah hukuman di bawah Seksyen 19?**

Saman tidak melebihi **RM100,000.00** atau penjara selama tidak lebih daripada **3 (tiga) tahun** atau **kedua-duanya sekali**.

**(III) Bolehkah saya memberi racun kepada haiwan?**

Di bawah Seksyen 20, memberi racun atau dadah atau bahan yang merbahaya kepada mana-mana haiwan tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa atau tanpa sebarang sebab yang munasabah adalah satu kesalahan.

**Apakah hukuman dibawah Seksyen 20?**

Saman tidak melebihi **RM100,000.00** atau penjara selama tidak lebih daripada **3 (tiga) tahun** atau **kedua-duanya sekali**.

**(IV) Adakah aktiviti pertempuran haiwan menyalahi undang-undang?**

Selain daripada perkara-perkara yang disebut di bawah Seksyen 21, secara amnya ia adalah satu kesalahan untuk menyebabkan, menggalakkan, mempublikasi, menyertai atau hadir di suatu aktiviti pertempuran haiwan.

**Apakah hukuman dibawah Seksyen 21?**

Saman tidak melebihi **RM100,000.00** atau penjara selama tidak lebih daripada **3 (tiga) tahun** atau **kedua-duanya sekali**.

**(V) Adakah saya mempunyai tanggungjawab untuk mencegah kekejaman terhadap haiwan?**

Di bawah Seksyen 22, mana-mana individu yang gagal melakukan penjagaan dan pengawasan yang munasabah berkaitan dengan kebajikan haiwan dan

perlindungan kepada haiwan terhadap kekejaman telah melakukan suatu kesalahan.

**Apakah hukuman dibawah Seksyen 22?**

Saman tidak melebihi **RM75,000.00** atau penjara selama tidak lebih daripada **2 (dua) tahun** atau **kedua-duanya sekali**.

**2. Bagaimanakah sistem mahkamah di bawah Enakmen Kebajikan Haiwan 2015?**

Harus diingatkan bahawa kesalahan kekejaman terhadap haiwan di bawah Enakmen Kebajikan Haiwan 2015 adalah dibawah kategori jenayah, dan tertuduh boleh dipenjarakan jika disabitkan bersalah.

**Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya anda melihat penderaan atau kekejaman terhadap haiwan?**

- 1) **Kumpulkan bukti** – Catatkan alamat penuh tempat kejadian di mana kekejaman telah berlaku, haiwan yang terlibat, bukti gambar atau rakaman video serta masa dan tarikh kejadian.
- 2) **Telefon pihak berkuasa dan/atau persatuan kebajikan haiwan**  
**Jika anda menjadi saksi kepada sebarang kekejaman terhadap haiwan, laporan perlu dibuat kepada:**
  - a. Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Penternakan Haiwan, Tel No.: 088-232 499
  - b. Mana-mana Balai Polis
  - c. SPCA Kota Kinabalu - 0198809600

***\*Kes-kes yang didapati mempunyai merit beserta dengan bukti yang bersesuaian akan didakwa oleh Negeri kerana kekejaman terhadap haiwan adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh undang-undang.***

### 3. Trend Penghukuman dan Kes-kes

#### A. Wanita memberi anjing makan 32 jarum jahit

Pada 2018 di Kota Kinabalu, seorang wanita telah disabitkan bersalah di bawah Seksyen 18(1)(e) Enakmen Kebajikan Haiwan 2015, kerana telah memberi sekeping roti berisi 32 jarum jahit kepada anjingnya untuk dimakan. Dengan sewajarnya, wanita tersebut telah disaman sebanyak RM7,000 dan juga penjara selama 7 hari.<sup>37</sup>

#### B. Pembunuh Kucing di Kedai Dobi

Di semenanjung Malaysia, seorang pekerja kontrak yang telah membunuh seekor kucing dengan memasukkannya di dalam mesin pengering telah dipenjarakan selama 34 bulan dan saman sebanyak RM40,000.00<sup>38</sup>.

### 4. **Apakah yang perlu diberi perhatian oleh kedai-kedai haiwan peliharaan / penternak?**

Seksyen 5 Enakmen Kebajikan Haiwan 2015 mewajibkan lesen untuk menternak, melatih, kuarantin, atau untuk melakukan ujikaji keatas haiwan.

Hukuman kerana tidak mematuhi undang-undang: Saman tidak melebihi **RM75,000.00** atau penjara selama tidak lebih **2 (dua) tahun** atau **keduaduanya sekali**.

<sup>37</sup> <https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2018/08/397506/sabah-woman-jailed-feeding-pet-dog-32-sewing-needles>

<sup>38</sup> <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/11/05/laundrette-cat-killer-jailed-34-months-fined-rm40000/>

## **HAIWAN JALANAN/TERBIAR**

### **Bagaimanakah berpuncanya haiwan terbiar/jalanan?**

Haiwan terbiar/jalanan (terutamanya kucing dan anjing) adalah salah satu masalah terbesar di Sabah yang disebabkan oleh pembuangan haiwan peliharaan, membiarkan haiwan yang tidak dimandulkan berkeliaran di kawasan-kawasan untuk mengawan dan populasi haiwan terbiar jalanan yang tidak dikawal.

Perlaksanaan program-program pemandulan yang mampan adalah antara satu tindakan yang penting dalam menangani isu peningkatan populasi kucing dan anjing yang semakin meningkat, yang mana telah melebihi kapasiti masyarakat tempatan untuk menjaga mereka dengan secukupnya.

Kebanyakan tempat perlindungan haiwan yang dibiayai sendiri telah pun melebihi kapasiti dan tidak mampu untuk terus menyelamatkan kesemua haiwan terbiar/jalanan.

### **1. Apa yang boleh kita lakukan di peringkat individu, peringkat masyarakat dan peringkat organisasi?**

- **Kembirikan haiwan terbiar/jalanan**

- Dalam usaha menangani populasi haiwan jalanan di Kota Kinabalu, NGO seperti Society for the Prevention of Animal Cruelty KK (SPCAKK), Borneo Animal Welfare Society, Sabah (BAWSS), International Aid for the Protection & Welfare of Animals (IAPWA) dan DBKK telah melaksanakan projek TNR (Trap-Neuter-Release)/*Rehome*.<sup>39</sup>
- TNR adalah satu kaedah penangkapan haiwan jalanan secara berperikemanusiaan untuk memandulkan mereka, dan selepas itu melepaskan mereka kembali di tempat asal atau lokasi mereka ditemui, atau mencari rumah pemilik baru.
- Ini adalah penting kerana dengan mengembalikan mereka ke kawasan asal mereka boleh mencari makanan serta tempat berlindung yang mereka kenali.
- Ianya juga boleh menghentikan penghijrahan haiwan luar ke kawasan tersebut.

- **Adopsi** – Daripada membeli daripada kedai-kedai haiwan peliharaan dan penternak, banyak lagi anjing dan kucing yang boleh diadopsi di tempat perlindungan haiwan.
- **Meningkatkan kesedaran masyarakat umum** dan mendidik orang ramai tentang kebajikan haiwan peliharaan dan haiwan jalanan/terbiar
- **Sukarela** untuk menjaga haiwan jalanan di pusat penjagaan haiwan
- **Menyelamatkan haiwan jalanan** – Sentiasa berhati-hati. Untuk panduan yang menyeluruh mengenai cara menolong / membantu menyelamatkan haiwan jalanan, sila rujuk [www.spcakk.org](http://www.spcakk.org) atau hubungi organisasi kebajikan haiwan tempatan yang disenaraikan dibawah panduan ini.

## 2. Butiran maklumat Kumpulan / Persatuan Kebajikan Haiwan

| Organisasi   | Butiran Maklumat   |
|--|--|
| 1. Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCAKK)         | 0198809660<br>info@spcakk.org                                    |
| 2. Society for the Prevention of Cruelty to Animals Tawau            | 0168266465, 01115432993<br>and 0168306742<br>spcatawau@yahoo.com |
| 3. Society for the Prevention of Cruelty to Animals Sandakan         | 010 227 8911<br>spcasdk@gmail.com                                |
| 4. Society for the Prevention of Cruelty to Animals Lahad Datu       | 016-802 3877<br>spca_lahaddatu@hotmail.com                       |
| 5. International Aid for the Protection & Welfare of Animals (IAPWA) | tnr@iapwa.org  |
| 6. Borneo Animal Welfare Society Sabah (BAWSS)                       | animalwelfareunit@gmail.com                                      |

*\*Sila ambil perhatian bahawa di atas adalah persatuan berdaftar di Sabah. Terdapat banyak lagi Kumpulan Sukarelawan Haiwan yang boleh anda cari secara di-talian.*

## **Penyakit Anjing Gila/Rabies**

Penyakit Anjing Gila/Rabies adalah penyakit virus maut yang boleh menyebabkan keradangan otak manusia dan haiwan mamalia yang lain<sup>40</sup>.

Setakat ini di Sarawak, seramai 19 orang telah meninggal dunia akibat daripada Penyakit Anjing Gila/Rabies.<sup>41</sup> Pada masa ini, belum ada lagi kes Penyakit Anjing Gila/Rabies yang dilaporkan di Sabah, walaubagaimanapun, untuk memastikannya berterusan, kita haruslah lebih berhati-hati dan peka dalam mengawal populasi haiwan jalanan dan kesihatan haiwan peliharaan kita untuk mengelakkan penyebaran penyakit.

### **Apakah Gejala-Gejala Penyakit Anjing Gila/Rabies pada haiwan**

1. Apabila virus telah memasuki badan haiwan, ia akan bergerak melalui saraf hinggalah ke otak. Haiwan ini akan menunjukkan pelbagai tanda / gejala termasuklah<sup>42</sup>:
  - i. Ketakutan;
  - ii. Keagresifan;
  - iii. Air liur meleleh secara berlebihan;
  - iv. Kesukaran untuk menelan;
  - v. Terhuyung - hayang;
  - vi. Lumpuh; dan
  - vii. Sawan.
2. Tanda-tanda biasa penyakit anjing gila / rabies adalah perubahan tingkahlaku haiwan dan kelumpuhan yang tidak dapat dijelaskan.
3. Sama seperti manusia, kematian haiwan tersebut adalah hampir dijamin akan berlaku setelah tanda-tanda penyakit tersebut muncul. Tiada rawatan yang sedia ada setelah bermulanya gejala-gejala penyakit.

40 Jerry T. Balentino & Melissa Conrad Stöppler, 'Rabies', [http://www.medicinenet.com/rabies\\_virus/article.htm](http://www.medicinenet.com/rabies_virus/article.htm)

41 <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/08/511828/man-bitten-pet-puppy-dies-rabies-sarawak>

42 n.4



**JIKA ANDA TELAH DIGIGIT OLEH HAIWAN YANG BERKEMUNGKINAN  
MEMPUNYAI PENYAKIT ANJING GILA / RABIES, SILA PERGI KE  
HOSPITAL UNTUK MENDAPATKAN DENGAN SEGERA.**

#### **PENAFIAN**

**PANDUAN INI HANYALAH BERTUJUAN SEBAGAI PANDUAN RUJUKAN  
UMUM DAN TIDAK BERMAKSUD SEBAGAI NASIHAT UNDANG-UNDANG.  
UNDANG-UNDANG DAN DASAR ATAS PEMILIKAN HAIWAN  
PELIHARAAN DAN KEKEJAMAN TERHADAP HAIWAN MUNGKIN  
BERUBAH DARI MASA KE SEMASA. UNTUK NASIHAT RASMI, SILA  
BERJUMPA DENGAN PEGUAM ATAU PIHAK BERKUASA YANG  
BERKENAAN.**